



# Sekilas Bicara tentang *Pantun*

*Oleh Rafiza Abu Bakar*

Melalui program 'Bicara Pantun Merentas Zaman' yang diadakan di UITM CPP pada 20 Oktober 2022, penulis kini faham bahawa pantun berasal dari Palembang, Sumatera, Indonesia – tempat asalnya juga keluarga besar penulis yang dipercayai berhijrah ke Tanah Melayu lewat kurun ke 18. Pada tahun 2020, UNESCO mengiktiraf bahawa pantun adalah milik bersama dan hak mutlak Malaysia dan Indonesia yang berpaksikan bahasa Melayu.

Secara ringkas, pantun pada mulanya adalah literasi lisan yang kemudiannya ditulis dalam aksara lama dan perlahan-lahan ditulis dalam jawi dan roman sesuai dengan perubahan dan peredaran zaman. Pantun dilestarikan melalui sistem pendidikan dan diajar sebagai komponen sastera di sekolah-sekolah di Malaysia.

"Tiada kata secantik bahasa" - itu adalah sebaris lirik dalam sebuah lagu yang pernah didendangkan oleh Allahyarham P. Ramlee. Kata-kata atau bahasa yang cantik dan indah cuba diterapkan dalam jiwa pelajar-pelajar melalui pantun. Pantun adalah warisan budaya Melayu yang tinggi dan diharapkan tidak mati walaupun ada pengaruh luar seperti budaya popular yang giat mengasak budaya yang wujud sejak sekian lama ini.

Pantun mengandungi bahasa aras tinggi dan mencerminkan keperibadian tinggi pemantun serta fikiran yang jernih selain nilai kemahiran estetika tertentu apabila mengucapkannya. Oleh itu, wajar sekali ianya dipelajari dan dibanggakan oleh semua rakyat Malaysia, terutama sekali kaum Melayu. Perhatikan bait pantun di bawah ini:

Apalah guna berwajah ayu  
Kalau tidak bersopan-santun  
Apalah guna menjadi Melayu  
Kalau tidak tahu berpantun

Pantun sangat erat dengan budaya Melayu yang sangat menekankan tentang adab, sopan-santun serta kerapian budi yang tidak tergesa-gesa. Di dalam budaya Melayu sejati, pernyataan sesuatu mestilah berlapis dan dinyatakan secara halus dan perlahan-lahan tanpa melulu serta menyakitkan hati si pendengar. Ini boleh dilihat di dalam penulisan serangkap pantun yang mempunyai dua komponen utama iaitu pembayang dan maksud. Pembayang adalah gambaran tentang betapa halus serta bersopan-santun budi pemantun sebelum beliau menyatakan secara jelas akan maksud sebenar percakapannya. Perhatikan juga bait pantun yang penuh istimewa dan sangat digemari ramai di bawah ini:

Komponen	Pantun
pembayang	Pulau Pandan jauh ke tengah Gunung Daik bercabang tiga
maksud	Hancur badan dikandung tanah Budi yang baik dikenang jua

Pantun di atas jelas ingin mengatakan bahawa manusia akan pergi meninggalkan semua dan jasadnya akan hancur setelah sekian lama dikebumikan. Akan tetapi, manusia itu akan tetap dikenang orang jika ada budinya yang baik. Walau bagaimanapun, maksud itu hanya diungkapkan setelah diberi pembayang yang indah yang dicernakan hasil dari pemerhatian alam sekeliling seperti pulau dan gunung. Itulah sekilas bicara tentang pantun yang dapat dicoretkan berpandukan kefahaman penulis. Diakhiri penulisan ini dengan serangkap pantun nukilan sendiri:

Berpugak mengukir keris sakti  
Keris sakti tersemat tiada alpa  
Menyerak mengikir menabur bakti  
Takkan sama hemat ibu dan bapa

